



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF AGRICULTURE
Bahagian Kawalan Racun Perosak
Pesticides Control Division
Tingkat 4 - 6, Wisma Tani
Jalan Sultan Salahuddin
50632 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Tel: 603-2030 1400
Faks: 603-2691 7551
Laman Web: www.doa.gov.my

Ruj. Kami : JP/KRP/207/12/656/2 Jld.VI (71)

Tarikh : **3** Oktober 2018

KEPADA YANG BERKENAAN

**SURAT PEKELILING LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK
BILANGAN 4 TAHUN 2018**

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974
Laporan Eksport oleh Syarikat Pendaftar Kepada
Lembaga Racun Makhluk Perosak

TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Syarikat Pendaftar mengenai keputusan pihak Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) tentang keperluan untuk menghantar Laporan Eksport oleh Syarikat Pendaftar kepada Lembaga Racun Makhluk Perosak.

M/surat 1 dari 3

Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab

SP.LRMP. BIL. 4/2018



JUSTIFIKASI KEPERLUAN LAPORAN EKSPORT


1. Keputusan ini diambil kerana laporan berkaitan maklumat eksport racun makhluk perosak dari syarikat didapati perlu kerana pihak Lembaga perlu menyediakan laporan dan maklumat eksport racun makhluk perosak kepada Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA) dan *Food Agriculture Organisation* (FAO) secara berkala dan ada kalanya maklumat-maklumat eksport diperlukan oleh Pihak Ibu Pejabat Putrajaya, Jabatan Pertanian dengan kadar yang segera.
2. **Sehubungan dengan itu, Syarikat Pendaftar perlu menghantar laporan berkaitan maklumat eksport racun makhluk perosak kepada LRMP secara berkala bagi setiap 6 bulan iaitu ;**
 - i) Laporan Jan-Jun (setiap 31 Julai)
 - ii) Laporan Julai-Disember (Setiap 30 Januari)
3. Syarikat Pendaftar perlu menghantar laporan mengikut format yang disediakan oleh LRMP. (rujuk Lampiran 1)

TARIKH KUATKUASA

4. Tarikh berkuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah pada **3 Oktober 2018.**

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMMAD NAZRUL FAHMI BIN ABDUL RAHIM)

Setiausaha

Lembaga Racun Makhluk Perosak

M/surat 2 dari 3

LAPORAN EKSPORT RACUN MAKHLUK PEROSAK

REKOD : PENGAL PERTAMA
(Jan-Jun)

PENGAL KEDUA
(Julai-Disember)

TAHUN : _____

NAMA SYARIKAT :

Nama Produk	Perawis Aktif	Kepekatan (% w/w)	Kuantiti Dieksport (mt)	Kegunaan (Kategori)	Negara Pengimport	No. LRMP (sekitarnya berkaitan)	Pintu Keluar (Port)